

Bil. S 45

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH UMUR PERSARAAN, 2010**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, gelaran panjang dan permulaan kuatkuasa.
  2. Tafsiran.
  3. Lantikan pegawai penyiasat.
  4. Umur persaraan minimum.
  5. Ketidaksahan syarat dalam kontrak perkhidmatan.
  6. Sekatan ke atas membuat kontrak bagi mengecualikan atau mengehadkan atau menghalang.
  7. Remedi bagi pembuangan kerja yang menyalahi undang-undang atas alasan umur.
  8. Kuasa-kuasa pegawai penyiasat.
  9. Komposisi kesalahan.
  10. Pengecualian.
  11. Peraturan-peraturan.
  12. Perkecualian.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH UMUR PERSARAAN, 2010**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran, gelaran panjang dan permulaan kuatkuasa.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Umur Persaraan, 2010.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi umur persaraan minimum bagi pekerja-pekerja dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

(3) Perintah ini hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2010.

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"perjanjian bersama" mempunyai makna sama seperti dalam Perintah Pekerjaan, 2009 (S 37/09);

"kontrak perkhidmatan" bermakna apa-apa perjanjian, sama ada secara bertulis atau lisan, nyata atau tersirat, yang menurutnya seorang itu bersetuju untuk menggaji orang lain sebagai seorang pekerja dan orang lain itu bersetuju untuk bekerja dengan majikannya sebagai seorang pekerja;

"pekerja" bermakna seseorang yang telah membuat atau bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan dengan seseorang majikan;

"majikan" bermakna mana-mana orang yang menggaji orang lain di bawah suatu kontrak perkhidmatan dan termasuk —

(a) Kerajaan;

(b) mana-mana pihak berkuasa berkanun;

*(c)* mana-mana ejen yang telah diberi kuasa atau pengurus mana-mana majikan; dan

*(d)* mana-mana orang yang memiliki atau menjalankan, atau pada masa itu bertanggungjawab bagi pengurusan atau kawalan suatu profesi, perniagaan, perdagangan atau kerja di mana mana-mana pekerja diambil bekerja;

"pegawai penyiasat" bermakna mana-mana orang yang dilantik sebagai seorang pegawai penyiasat di bawah bab 3;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, seseorang pekerja itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuang kerja oleh majikannya jika —

*(a)* kontrak yang di bawahnya pekerja itu digaji oleh majikan adalah ditamatkan oleh majikan, sama ada ditamatkan dengan notis atau tanpa notis; atau

*(b)* majikan membersarkan pekerja itu, atau menghendaki atau menyebabkan supaya pekerja itu bersara atau meletakkan jawatan atas alasan umur.

**Lantikan pegawai penyiasat.**

3. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melantik sebilangan orang pegawai penyiasat sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi maksud-maksud Perintah ini.

**Umur persaraan minimum.**

4. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis lain, kontrak perkhidmatan atau perjanjian bersama, umur persaraan seseorang pekerja hendaklah tidak kurang dari 60 tahun.

(2) Seseorang majikan itu tidak boleh membuang kerja mana-mana pekerja yang berumur 60 tahun ke bawah atas alasan umur.

(3) Mana-mana majikan yang melanggar ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Ketidaksahan syarat dalam kontrak perkhidmatan.**

5. Apa-apa syarat dalam suatu kontrak perkhidmatan atau perjanjian bersama yang dibuat sebelum, pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2010 yang mengadakan peruntukan bagi umur persaraan yang kurang dari 60 tahun adalah tidak sah setakat mana syarat itu adalah kurang baik.

**Sekatan ke atas membuat kontrak bagi mengecualikan atau mengehadkan atau menghalang.**

6. Apa-apa syarat dalam suatu kontrak perkhidmatan atau perjanjian bersama adalah tidak sah setakat mana syarat itu dikatakan —

(a) mengecualikan atau mengehadkan kuatkuasa sebarang peruntukan Perintah ini; atau

(b) menghalang mana-mana orang dari membuat suatu pernyataan, tuntutan atau permohonan di bawah Perintah ini.

**Remedi bagi pembuangan kerja yang menyalahi undang-undang atas alasan umur.**

7. (1) Jika mana-mana pekerja yang berumur 60 tahun ke bawah berpendapat bahawa dia telah dibuang kerja dengan menyalahi undang-undang atas alasan umur, dia boleh, dalam masa satu bulan dari pembuangan kerjanya, membuat pernyataan secara bertulis kepada Menteri supaya dikembalikan semula kepada pekerjaannya yang dahulu.

(2) Menteri boleh, sebelum membuat suatu keputusan mengenai sebarang pernyataan tersebut, mengarahkan seseorang pegawai penyiasat secara bertulis untuk menyiasat dan membuat laporan sama ada pada pendapatnya pekerja itu telah dibuang kerja dengan menyalahi undang-undang atas alasan umur:

Dengan syarat bahawa, jika pekerja itu adalah seorang pegawai kerajaan, Menteri hendaklah mendapatkan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebelum membuat apa-apa arahan tersebut.

(3) Jika, selepas menimbangkan sebarang laporan yang dibuat oleh seseorang pegawai penyiasat di bawah ceraian (2), Menteri berpuas hati bahawa pekerja itu telah dibuang kerja dengan menyalahi undang-undang oleh majikannya atas alasan umur, Menteri boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang aturan undang-undang atau perjanjian yang bertentangan —

(a) mengarahkan majikan supaya mengembalikan semula pekerja itu kepada pekerjaannya yang dahulu dan membayar kepada pekerja itu suatu jumlah yang bersamaan dengan gaji yang sepatutnya diterima oleh pekerja

itu sekiranya dia tidak dibuang kerja dengan menyalahi undang-undang oleh majikan; atau

(b) mengarahkan majikan supaya membayar suatu jumlah gaji sebagai pampasan sebagaimana yang mungkin dianggap adil dan saksama oleh Menteri dengan mengambil kira semua hal keadaan kes itu,

dan majikan hendaklah mematuhi arahan Menteri:

Dengan syarat bahawa, jika pekerja itu adalah seorang pegawai kerajaan, Menteri hendaklah mendapatkan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebelum membuat apa-apa arahan tersebut.

(4) Dalam menentukan jumlah pampasan yang akan diberikan di bawah ceraian (3), Menteri hendaklah, khususnya, mengambil kira —

(a) kerugian yang ditanggung oleh pekerja itu akibat dari pembuangan kerjanya dengan menyalahi undang-undang;

(b) prospek pekerja itu dalam mendapatkan pekerjaan lain;

(c) langkah-langkah yang diambil oleh pekerja itu untuk mengurangkan kerugianya;

(d) tempoh pekerja itu telah bekerja dengan majikannya; dan

(e) umur pekerja itu.

(5) Keputusan Menteri atas sebarang pernyataan yang dibuat di bawah bab ini adalah muktamad.

(6) Apa-apa arahan Menteri di bawah ceraian (3) hendaklah berkuatkuasa sebagai suatu halangan kepada apa-apa tindakan bagi gantirugi oleh pekerja itu dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan pembuangan kerja yang menyalahi undang-undang atas alasan umur.

(7) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi arahan Menteri di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(8) Jika sebarang jumlah yang akan dibayar oleh seseorang majikan di bawah ceraian (3) tidak dibayar menurut arahan Menteri dan majikan itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah ceraian (7), jumlah itu atau sebanyak mana dari jumlah yang masih belum dibayar boleh didapatkan balik oleh mahkamah seolah-olah ia adalah suatu denda dan jumlah yang didapatkan balik

itu hendaklah dibayar kepada pekerja yang berhak mendapat bayaran di bawah arahan Menteri.

(9) Menteri boleh, dengan surat yang ditandatanganinya, mewakilkan semua atau sebarang kuasanya di bawah bab ini (kecuali kuasa untuk mewakilkan ini) kepada mana-mana pegawai kerajaan.

(10) Suatu perwakilan di bawah ceraian (9) boleh dibatalkan mengikut kehendak dan sesuatu perwakilan itu tidaklah menghalang perjalanan sebarang kuasa oleh Menteri.

(11) Suatu kuasa yang diwakilkan itu, apabila dijalankan oleh wakil itu, hendaklah bagi maksud-maksud bab ini dianggap telah dijalankan oleh Menteri.

**Kuasa-kuasa pegawai penyiasat.**

8. (1) Seseorang pegawai penyiasat boleh memasuki tanpa notis terlebih dahulu pada bila-bila masa yang munasabah mana-mana tempat pekerjaan dan membuat penyiasatan mengenai keadaan pekerjaan mana-mana pekerja sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(2) Semasa menjalankan suatu penyiasatan di bawah bab 8(1), seseorang pegawai penyiasat boleh —

*(a)* mengajukan soalan-soalan berhubung dengan pembuangan kerja seseorang pekerja (termasuk butir-butir alasan pembuangan kerja) kepada pekerja itu, majikannya atau kepada mana-mana orang yang mungkin menjaga pekerja itu, atau kepada mana-mana pekerja lain dan pekerja, majikan, orang yang menjaga pekerja itu, atau pekerja lain hendaklah terikat untuk menjawab soalan-soalan itu dengan sebenarnya sepanjang pengetahuan dan keupayaannya;

*(b)* menghendaki majikan supaya mengemukakan di hadapannya mana-mana pekerja lain yang digaji oleh majikan berserta dengan sebarang kontrak perkhidmatan atau dokumen lain berhubung dengan pekerjaan;

*(c)* membuat salinan apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah perenggan *(b)*; dan

*(d)* mengambil atau memindah bagi maksud-maksud penyiasatan apa-apa dokumen.

(3) Mana-mana orang yang mengadang atau menghalang seseorang pegawai penyiasat dalam menjalankan kuasa di bawah bab ini atau membuat kepada seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan kuasa di bawah bab ini suatu pernyataan sama ada secara lisan atau bertulis yang palsu dalam apa-apa butir

penting adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

#### **Komposisi kesalahan.**

9. (1) Seseorang pegawai penyiasat boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima suatu jumlah wang tidak melebihi \$500 daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

#### **Pengecualian.**

10. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan dengan atau tanpa syarat mana-mana orang atau golongan orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, pada bila-bila masa membatalkan sebarang pengecualian tersebut, mengubah atau membatalkan sebarang syarat yang ada atau mengenakan syarat-syarat baru.

#### **Peraturan-peraturan.**

11. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan atau bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi menetapkan apa-apa juga yang boleh ditetapkan dan pada amnya bagi maksud menguatkuasakan Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Perkecualian.**

12. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh berkuatkuasa untuk melepaskan mana-mana majikan dari sebarang kewajipan atau liabiliti yang dikenakan kepadanya oleh peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 14 haribulan Januari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**